



KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA INFLUENZA DI MALAYSIA

Putrajaya, 16 Oktober 2025 — **Jangkitan influenza bermusim** merupakan sejenis penyakit berjangkit pada saluran pernafasan yang disebabkan oleh virus influenza. Kebanyakan individu yang dijangkiti oleh virus influenza akan sembuh sepenuhnya dalam tempoh seminggu. Namun begitu, golongan berisiko tinggi, seperti kanak-kanak, warga emas, dan individu dengan penyakit kronik, berisiko mendapat jangkitan yang lebih teruk. Komplikasi serius ini termasuk radang paru-paru dan radang otak yang boleh mengakibatkan sakit yang teruk (morbidity) atau kematian.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan perkembangan terkini situasi influenza di Malaysia berdasarkan pemantauan Influenza melalui **Survelan Influenza-Like Illness (ILI)** dan **Severe Acute Respiratory Infections (SARI)** serta **pelaporan wabak** melalui **kejadian kluster** dikendalikan oleh **Crisis Preparedness Response Centre (CPRC) Kebangsaan**.

Bagi tahun 2025, terdapat peningkatan kadar konsultasi daripada 7.38% pada Minggu Epidemiologi (ME) ke 40 (28 September - 4 Oktober 2025); kepada 9.22% bagi ME 41 (5 -11 Oktober 2025). Walau bagaimanapun, kadar ini masih sedikit rendah berbanding dengan kemuncak jangkitan pada tahun 2024 (9.55%).

Secara kumulatif sejak ME 1/2025 hingga ME 41/2025, jumlah institusi yang terkesan dalam kejadian kluster penyakit Influenza melibatkan:

- a. sekolah - 352 kluster (65.8%);
- b. tadika - 96 kluster (17.9%);
- c. institusi/kolej - 35 kluster (6.54%);
- d. rumah persendirian - 33 kluster (6.2%);
- e. empat kerja - 10 kluster (1.9%);
- f. pusat jagaan – 6 kluster (1.1%); dan
- g. penjara/ PUSPEN - 3 kluster (0.56%).

Secara keseluruhan, bilangan kluster jangkitan di **institusi pendidikan** meningkat daripada 8 pada ME 39/2025 kepada 111 pada ME 40/2025, sebelum mencapai 202 kluster pada ME 41/2025. Pada minggu ini, iaitu **ME 42/2025 (12 – 16 Oktober 2025)**, bilangan kluster institusi pendidikan

menurun kepada 56, namun masih menunjukkan aktiviti penularan yang berterusan.

Bagi mengekang penularan penyakit Influenza, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan:

- a. Ibu bapa perlu **memastikan anak tidak mempunyai gejala influenza (demam, selesema, batuk)** sebelum dihantar ke sekolah. Sekiranya bergejala, ibu bapa dinasihatkan tidak menghantar mereka ke sekolah sebaliknya segera mendapatkan rawatan.
- b. Ibu bapa dinasihatkan **memantau keadaan anak yang bergejala**. Sekiranya gejala bertambah teruk, anak/pelajar disaran mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.
- c. Sebelum sesi persekolahan bermula, guru perlu menasihatkan pelajar yang bergejala agar tidak hadir dan dapatkan rawatan.
- d. Guru disarankan **memperkukuhkan pendidikan kesihatan** bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama melalui **pemakaian pelitup muka dan kebersihan tangan**.
- e. Pihak sekolah disaran **membuat pelaporan awal** kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan.
- f. **Tindakan penutupan premis** termasuk sekolah boleh dilaksanakan oleh **pihak pentadbiran** melalui **perbincangan dan kerjasama dengan PKD berdekatan**, hasil penilaian risiko yang dilakukan. Sekiranya penularan hanya terhad kepada kumpulan tertentu, langkah kawalan hendaklah difokuskan kepada kumpulan tersebut.

Sekiranya terdapat sebarang lonjakan kes influenza, KKM akan bertindak berpandukan plan kesiapsiagaan sedia ada seperti:

- a. Memastikan **kapasiti kesihatan** di semua peringkat termasuk klinik kesihatan, hospital, dan makmal berada **pada tahap optimum**.
- b. Klinik kesihatan dan hospital mewujudkan **fever centre** di mana kes-kes dengan demam akan disaring dan diperiksa. Jabatan Kecemasan & Trauma hospital-hospital KKM juga menjalankan pengasingan laluan penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit bagi mengelakkan penularan kes.
- c. Memastikan **bekalan oksigen, ubat-ubatan dan keperluan lain** sentiasa **mencukupi** bagi menghadapi lonjakan kes luar biasa. Dari segi ubat-ubatan, **Oseltamivir** merupakan ubat antiviral yang digunakan untuk rawatan jangkitan influenza. **Tindakan mobilisasi stok antara fasiliti** akan dilaksanakan jika terdapat isu bekalan.
- d. **Bekalan vaksin influenza di pasaran** adalah **mencukupi** untuk menampung keperluan semasa manakala bekalan di fasiliti kesihatan

KKM dapat memenuhi keperluan untuk petugas kesihatan barisan hadapan, warga emas serta pesakit kronik yang berisiko tinggi.

- e. Meningkatkan komunikasi risiko dan sesi libat urus bersama kementerian, agensi dan komuniti dengan penekanan ke atas langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit bagi mengelakkan penularan jangkitan.

KKM akan terus memantau perkembangan jangkitan influenza di dalam dan luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO dan pihak berkuasa kesihatan serantau. Langkah-langkah pencegahan dan kawalan akan dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan penularan dapat ditangani dengan kadar segera dan berkesan.

— TAMAT —

**Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

